E-Dagang

Definasi E-Dagang :

E-dagang merupakan penggunaan Internet dan juga laman web untuk menjalankan transaksi perniagaan dan tidak lagi terikat kepada masa dan tempat. Dengan kata lain, e-dagang ialah menjalankan aktiviti pembelian produk, perkhidmatan dan lain - lain transaksi dengan menggunakan Internet sebagai medium transaksi.

Kebaikan perniagaan e-dagang perlu dilihat dari dua sudut, iaitu sudut peniaga dan sudut pengguna.

Kebaikan dari sudut peniaga

1. Kos rendah.
Pengedaran melalui Internet dinyatakan cukup berhasil kerana ia menghubungkan penggguna akhir (end-users) dengan pengeluar secara langsung. iaitu ia dapat mengurangkan kos yang tidak diperlukan oleh pengeluar dalam memasarkan produk.

2. Hubungan terus dengan pengguna.
Peniaga dapat berhubung terus dengan pengguna, bukan sekadar mendapat maklum balas secara terus tanpa melibatkan pihak ketiga tetapi juga cepat dan secara talian terus (online).

3. Mudah melakukan perubahan.
Melalui penggunaan medium e-dagang ini, maklumat terkini berkaitan produk baharu akan dapat disalurkan kepada pengguna dengan cepat dan tepat dari semasa ke semasa.

4. Prospek dan pemasaran luas.
melalui e-dagang, peluang untuk mengiklan dan memasarkan barangan atau perkhidmatan lebih luas tanpa sempadan dapat dilakukan.

Kebaikan dari sudut pengguna

1. Banyak pilihan.
Pengguna dapat membuat perbandingan dan mempunyai banyak pilihan dari segi harga, kualiti dan juga perkhidmatan.

2. Menjimatkan masa.
Melalui pembelian secara atas talian, pengguna boleh melayari keseluruhan produk dengan usaha minimum dan menjimatkan masa serta dapat menganalisis barangan atau perkhidmatan dengan tidak perlu pergi ke kedai.

3. Keselesaan membuat pilihan, pembelian dan perbandingan.
Pengguna boleh melayari keseluruhan produk dengan usaha yang minimum dan masa yang singkat, dan ini dapat membantu mereka dalam membuat keputusan yang tepat semasa membeli-belah.

Sumber : Internet